

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI HJ. AHMAD B. HAJI MASLAN  
(PONTIAN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [ PONTIAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kes secara terperinci serta tindakan yang sudah diambil kepada penghinaan terhadap ajaran Islam, Al-Quran, Nabi Muhammad, tulisan Jawi, masjid/surau sejak selepas PRU14. Apakah 10 langkah utama yang telah diambil dan nyatakan keberkesanannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas PRU 14 sehingga sekarang sebanyak 56 kertas siasatan telah dibuka berkaitan kesalahan menghina agama Islam, Al-Quran, Nabi Muhammad, tulisan Jawi dan masjid/surau. Sebanyak 15 kes telah dituduh, 21 kes telah di NFA (Not Further Action), KUS (Kemas untuk simpan) sebanyak 4 kes, 9 kes telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara manakala 7 lagi kes masih di dalam siasatan.

Bagi mengekang kegiatan ini agar tidak terus berleluasa, Kementerian Dalam Negeri akan meningkatkan program kesedaran kepada masyarakat supaya lebih peka dan sensitif terhadap sentimen perkauman dan keagamaan melalui kempen-kempen kesedaran bersama orang awam.

Selain itu juga, pelbagai langkah yang proaktif dan progresif telah diambil oleh PDRM bagi menangani isu ini daripada berleluasa dan tidak terkawal. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

1. Membuat pemantauan media sosial secara berterusan terhadap komen, *posting*, artikel dan video yang berunsur penghinaan ke atas mana-mana agama oleh *Police Cyber Investigation Response Centre Unit* (PCIRC-PDRM).
2. Menjalankan siasatan ke atas setiap aduan berkaitan penghinaan agama yang dilaporkan.
3. Mengesan dan menangkap suspek yang terlibat dalam memuatnaik *posting*/komen yang mempunyai elemen kesalahan yang disiasat.
4. Membuat permohonan *Red Notice* ke atas suspek yang berada di luar negara yang telah memuatnaik *posting* penghinaan terhadap agama.
5. Memajukan kertas siasatan kepada pihak Jabatan Peguam Negara

## NO. SOALAN : 20

bagi mendapatkan pandangan dan nasihat untuk tujuan pertuduhan/pendakwaan dan keputusan kes.

6. Bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam menangani isu ini.
7. Memohon tawaran jaminan yang tinggi dikenakan ke atas pesalah daripada mahkamah.
8. Mengenakan syarat tambahan kepada jaminan yg ditawarkan ke atas OKT. Sebagai contoh, dilarang memuatnaik kandungan berunsur jelik dan dikehendaki melapor diri setiap bulan di balai polis berhampiran dalam tempoh jaminan.
9. Memohon hukuman yang berat ke atas pesalah ketika prosiding jatuh hukum.
10. Mengemukakan rekod sabitan lampau kepada mahkamah sebagai faktor *deterrence*.

Tambahan lagi, kementerian juga sedang membuat kajian dan cadangan penambahbaikan ke atas akta-akta sedia ada supaya tindakan lebih berkesan dan menyeluruh dapat diambil oleh pihak polis terhadap mana-mana pihak yang terus membangkitkan isu-isu sensitif tersebut.